



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

CRADLE INNOVATION ADVISORY DILANCARKAN UNTUK MEMANGKIN GELOMBANG BAHARU INOVASI KORPORAT DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 18 Julai 2025 – Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle), agensi fokal di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), hari ini mengumumkan pelancaran *Cradle Innovation Advisory*, satu inisiatif perkongsian strategik bagi mempercepat transformasi teknologi dalam kalangan syarikat korporat serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia.

Inisiatif ini bertujuan menangani kekangan struktur dalam ekosistem inovasi negara - termasuk sokongan pasca-geran dan peluang pengkomersialan yang terhad, jurang hubungan antara industri dan startup, serta penglibatan PKS yang minimum dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

“Inovasi tidak dapat berkembang dalam keterasingan. Melalui *Cradle Innovation Advisory*, kami membuka jalan untuk PKS, yang merupakan tulang belakang ekonomi negara, agar dapat mengakses kepakaran, alat dan rangkaian yang diperlukan untuk terus berinovasi, berkembang dan bersaing di peringkat global.

“Ini menandakan peralihan daripada sekadar memberi sokongan kepada pemerksaan. Dengan memperkuuh kerjasama antara universiti, korporat dan komuniti startup antarabangsa, kami menyediakan landasan bagi idea-idea bernes, bukan sekadar untuk dikembangkan, malah untuk digerakkan ke pasaran, sekali gus mengubah keseluruhan landskap sektor,” kata **YB Dato’ Haji Mohammad Yusof Bin Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi**.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle, Norman Matthieu Vanhaecke pula berkata, “Inisiatif ini bukan sekadar memperkenalkan kerangka baharu, ia tentang mencipta ruang kolaborasi antara startup dan pemain utama korporat untuk terus



memperkuuh PKS sebagai tunjang ekonomi negara. Dalam fasa pengesahan konsep ini, kami akan menambah baik pendekatan kami sebelum ia diperluaskan ke seluruh negara untuk memberi impak yang lebih mendalam dan berpanjangan,” tambah beliau.

Program utama bagi inisiatif ini ialah *Corporate Innovation Lab Programme (CILP)*, iaitu platform berstruktur yang menawarkan bengkel modular mengikut tahap kematangan organisasi.

Selain bengkel modular CILP, inisiatif ini turut menyediakan khidmat nasihat khusus termasuk audit inovasi, pembangunan pelan hala tuju inovasi, dan sokongan pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan. Cradle juga akan menawarkan akses kepada perkhidmatan strategik seperti khidmat nasihat perundangan dan perancangan modal insan.

Selari dengan kerangka nasional seperti Ekonomi MADANI dan Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021–2030, Cradle Innovation Advisory menyasarkan untuk memperkuuh kapasiti inovasi Malaysia dan memajukan kedudukannya sebagai ekosistem startup dan PKS yang berdaya saing di peringkat global.

Organisasi yang berminat untuk menyertai atau bekerjasama dalam inisiatif ini digalakkan untuk menghubungi Cradle di enquiries@cradle.com.my.

#TAMAT#

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

18 JULAI 2025

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Elmy Fairuz Azmi

Komunikasi Kumpulan

Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle)

elmy@cradle.com.my

+6012 – 271 3457

[KIT MEDIA](#)

